

Tiga beradik 'pergi' bersama


Kota Bharu: Tiga beradik maut selepas Perodua Myvi dinaiki mereka terbabit kemalangan dengan sebuah Proton Wira di Jalan Tanah Merah-Pasir Mas, berhampiran Bukit Tuku, Pasir Mas, dekat sini, tengah hari semalam.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas Asisten Komisioner Abdullah Mohammad Piah berkata, dalam kejadian kira-kira jam 1 tengah hari itu, pemandu Proton Wira berusia 20-an parah manakala tiga beradik berkenaan berusia 10, 22 dan 23 tahun meninggal dunia.

Katanya, kemalangan berlaku apabila Proton Wira dari arah Pasir Mas ke Tanah Merah cuba memotong kenderaan di hadapannya tetapi gagal dan memasuki lorong bertentangan.

"Perodua Myvi dan Proton Wira berkenaan bertembung. Dua mangsa menaiki Perodua Myvi meninggal dunia di lokasi manakala seorang lagi di Hospital Pasir Mas," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, tiga beradik berkenaan dikenali sebagai Fatin Arina Mohd Asri, 23; Anis Suraya, 10, maut di lokasi kejadian mana-



“

Perodua Myvi dan Proton Wira berkenaan bertembung”

Abdullah Mohammad Piah

kala Haifa Amira, 22, meninggal dunia di unit kecemasan Hospital Pasir Mas.

Menurutnya, pemandu Proton Wira Mohd Helmi Mustafa, 21, yang parah dan tidak sedarkan diri dihantar ke hospital sama.

Sebelum kejadian, tiga beradik yang berasal dari Kampung Bukit Gading, Tanah Merah dalam perjalanan menjemput ibu saudara mereka Zaleha Shafie, 48, untuk mendapatkan bekalan ubat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian.



KEADAAN kenderaan yang terbabit kemalangan di Jalan Tanah Merah-Pasir Mas, dekat Bukit Tuku, Pasir Mas, semalam.

HM - 7/2/2019 (p/124)

Siti Nor Hidayatidayu Razali dan Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Pasir Mas

“**K**etika sampai di lokasi, saya dimaklumkan

Haifa Amira masih bernyawa...dalam keadaannya...nyawa ikan dan segera mendapatkannya...saya sempat mengajarnya mengucapkan dua kalimah syahadah.

“Saya terduduk selepas melihat jenazah anak ditutup menggunakan kain batik terbaring kaku di atas jalan raya,” kata Mohd Asri Zakaria, 52.

Bapa kepada tiga beradik maut dalam kemalangan di Jalan Tanah Merah-Pasir Mas di Bukit Tuku di sini, semalam berkata, dia bergegas ke lokasi selepas menerima

Terduduk lihat jenazah anak

■ **Bapa sempat ajar seorang daripada tiga anak mengucapkan dua kalimah syahadah**

panggilan daripada rakan memaklumkan kejadian itu jam 1.10 tengah hari.

Katanya, dia yang berada di kedai runcit miliknya dihubungi rakan memaklumkan Perodua Myvi dinaiki tiga anaknya terbabit dalam kemalangan.

“Rakan mengemaskan nombor pendaftaran kereta, dia cuma cakap kenderaan itu terbabit kemalangan, namun tidak beritahu pula mengenai keadaan anak.

“Dia minta saya segera ke lokasi dan ketika itu naluri saya dapat mengagak bahawa ia bukan kemalangan kecil.

“Sebaik tiba, luluh hati saya apabila melihat anak terbaring kaku dengan keadaan ditutup dengan kain batik,” katanya ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Pasir Mas di sini, semalam.

Mohd Asri berkata, tiga beradik itu sudah hampir dengan rumah ibu saudara

mereka sebelum terbabit nahas.

“Ibu saudara mereka tidak dapat menerima kenyataan dengan tragedi yang menimpa dan asyik menyalahkan dirinya kerana meminta pertolongan untuk membawanya ke hospital.

“Kami sekeluarga memintanya supaya bersabar dan menganggap itu surat takdir serta perlu reda walaupun terlalu sedih,” katanya.



MOHD Asri menunjukkan MyKad seorang anaknya yang maut.